

KEPERLUAN PENGGUNAAN PELBAGAI STRATEGI PENGAJARAN DALAM MODUL PDP SENI LUKISAN BAGI GURU BUKAN OPSYEN PENDIDIKAN SENI VISUAL

THE NEED TO USE VARIOUS TEACHING STRATEGIES IN THE TEACHING (PDP) MODULE FOR NON-OPTIONAL TEACHERS OF VISUAL ART EDUCATION

Noraidah Binti Abdullah ^{1*}

Ida Puteri Binti Mahsan ²

¹ Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

(E-mail: zaliada86@gmail.com)

² Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

(E-mail: idaputeri@fskik.upsi.edu.my)

*zaliada86@gmail.com

Article history

Received date : 5-3-2025

Revised date : 6-3-2025

Accepted date : 29-3-2025

Published date : 25-4-2025

To cite this document:

Abdullah, N., & Mahsan, I. P. (2025). Keperluan penggunaan pelbagai strategi pengajaran dalam modul PDP seni lukisan bagi guru bukan opsyen pendidikan seni visual. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (72), 86 - 95.

Abstrak: Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keperluan pelbagai strategi pengajaran dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) bagi guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual. Analisis keperluan dijalankan untuk mengenal pasti strategi pengajaran yang bersesuaian dan diperlukan oleh guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual bagi memudahkan sesi PDP dijalankan di dalam kelas. Kajian dijalankan berdasarkan objektif pertama kajian dan dapatan temu bual secara individu yang terdahulu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual secara berkumpulan melibatkan 7 responden yang terdiri daripada 5 orang guru bukan opsyen dan 2 guru cemerlang Pendidikan Seni Visual. Dapatan akan dianalisis secara tematik bagi menentukan strategi pengajaran yang paling bersesuaian untuk guru bukan opsyen yang menjalankan sesi pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Kata Kunci: Strategi pengajaran, guru bukan opsyen, Pendidikan Seni Visual, temu bual kumpulan.

Abstract: This study was conducted to identify the need for various teaching strategies in the Teaching and Learning Process (PDP) for non-Visual Arts Education option teachers. The needs analysis was performed to determine appropriate and necessary teaching strategies for non-Visual Arts Education option teachers to facilitate the implementation of the Teaching and Learning Process (PDP) in the classroom. The study was conducted under the first objective of the research and based on the findings from previous individual interviews. This study

employs a qualitative research approach, utilizing the focus group interview method with 7 respondents, comprising 5 non-expert teachers and 2 expert Visual Arts Education teachers. The findings will be analyzed thematically to determine the most suitable teaching strategies for non-option teachers conducting teaching sessions for the subject of Visual Arts Education.

Keywords: *Teaching strategy, non-option teacher, Visual Art Education, focus group interview*

Pengenalan

Strategi pengajaran merupakan satu pembahagian dalam pembinaan cara atau kaedah mengajar yang diperlukan bagi guru yang menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP). Keperluan strategi pengajaran yang bersesuaian dan tepat membantu guru bagi menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih tersusun dan teratur. Pemilihan strategi pengajaran yang betul dan tepat dapat membantu guru bukan opsyen menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih lancar dan berkesan. Hal ini turut memberi kesan kepada hasil pembelajaran kepada murid yang bermula dari kaedah dan strategi guru yang menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran berkenaan. Keperluan strategi pengajaran yang betul membantu guru dan murid dalam mendapatkan hasil terbaik. Pengajaran yang berkesan dan efektif memerlukan strategi yang bukan sekadar menyampaikan pengetahuan sahaja tetapi juga dapat membangunkan kemahiran dan strategi pembelajaran secara berterusan. Kepelbagaian pendekatan boleh diterapkan dalam konteks pendidikan bagi meningkatkan penglibatan murid dan memberi kesan terbaik dalam pembelajaran.

Strategi pengajaran yang aktif dan menarik seperti pembelajaran secara berpasukan dalam satu kumpulan dapat menunjukkan peningkatan dalam penglibatan interaksi antara sesama murid. Pendekatan secara berkumpulan akan memberi penekanan dalam pembinaan pengetahuan oleh murid melalui penggunaan tugas secara kreatif yang terbukti dapat meningkatkan prestasi murid dalam sesuatu penilaian yang dijalankan oleh guru, Singh, K., et.al (2019). Strategi pengajaran turut terbukti berkesan dalam membantu guru dan murid menguasai sesuatu pembelajaran di samping menerapkan strategi secara terbuka dan bebas mengikut kreativiti dan idea masing-masing, Ellis, E. (1990). Terdapat kajian mengenai strategi pengajaran secara bersemuka yang menunjukkan bahawa pendekatan yang bersifat kontingen yang disesuaikan dengan keperluan murid lebih berkesan dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehan bagi menyelesaikan tugas selepas sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan, Wood, D. et.al (1978). Hal ini turut disokong dengan keberkesanan pengajaran bersemuka yang efektif memerlukan pemahaman yang mendalam tentang cara murid belajar dan kesesuaian strategi pengajaran bagi memenuhi keperluan berkenaan, Darcy Miller (2020).

Strategi pengajaran yang sesuai membolehkan guru bukan opsyen menyampaikan ilmu dengan lebih baik dan berkesan. Strategi pengajaran perlu dirancang dengan betul bagi mendapatkan kesan dan impak yang terbaik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di antara guru dan murid. Perancangan yang terbaik dalam menentukan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan keadaan yang berlaku dalam sesi pengajaran dan pembelajaran membolehkan hubungan penyampaian dan penerimaan ilmu antara guru dan murid menjadi lebih lancar dan berkesan.

Objektif Kajian

Kajian ini memberi penekanan kepada objektif pertama untuk menjalankan analisis keperluan bagi pembinaan modul PDP yang bersesuaian berdasarkan kepada keperluan strategi pengajaran bagi guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual. Objektif berkenaan adalah seperti yang berikut:

- 1) Mengenalpasti keperluan Modul Seni Lukisan bagi Guru Bukan opsyen (GBO) di sekolah menengah di negeri Selangor.

Berdasarkan objektif berkenaan analisis keperluan dijalankan kepada responden yang bersesuaian mengikut ketepatan dapatan kajian yang diperlukan. Responden yang dipilih adalah bersasar yang melibatkan guru bukan opsyen dan guru cemerlang Pendidikan Seni Visual sahaja.

Kajian Literatur

Temu bual Berkumpulan

Temu bual berkumpulan merupakan salah satu kaedah bagi mendapatkan kesepakatan responden dan pakar dalam merangka sesebuah konstruk dalam kajian yang dijalankan. Melalui temu bual secara berkumpulan, penyelidik memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suasana dan persekitaran selamat yang membolehkan responden menyuarakan pendapat mereka secara bebas tanpa sekatan dari mana-mana pihak Roald, G. et.al (2024). Kaedah ini turut boleh disesuaikan dengan pelbagai konteks yang dapat membantu mengenal pasti cabaran dan keperluan dalam sesebuah kajian yang dijalankan Mannevaara, P. et.al (2024). Temu bual secara berkumpulan turut boleh digabungkan dengan kaedah lain seperti penggunaan petikan temu bual seseorang individu bagi merangsang perbincangan dalam kumpulan di samping memperkayakan lagi dapatan yang diperoleh oleh penyelidik Geampna, A., & Perrotta, M. (2024). Dalam konteks etnografi, kaedah ini turut dapat digunakan bagi membina hubungan yang lebih manusiawi disamping memperkukuhkan rasa kepunyaan dalam sesuatu komuniti akademik Ortega, Y. (2023).

Pembinaan Konstruk

Pembinaan konstruk dalam sesebuah kajian adalah penting bagi membantu dalam membentuk teori yang kukuh dan boleh dipercayai disamping dapat memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan bagi hasil kajian yang dijalankan. Kesahihan konstruk dapat memastikan bahawa konsep yang diukur dalam kajian sama ada tepat dan seialir dengan kajian atau tidak. Konstruk yang dibina dapat dipastikan sama ada tepat dan relevan dengan kajian yang dijalankan bagi menentukan kesahihan pada tahap konseptual berdasarkan hasil pada tahap operasional Sjøberg, D. et. al (2021). Pembinaan konstruk merupakan asas dalam pembangunan teori di mana ia dapat membantu dalam pembinaan model dan modul formal serta dapat menilai kecukupan penjelasan terhadap sesebuah teori yang digunakan. Hal ini termasuk dengan membuat penilaian sama ada prinsip penjelasan adalah cukup diringkaskan dan munasabah mengikut keadaan kajian yang dijalankan Borsboom, D. et. al (2021). Pembinaan konstruk turut membantu dalam mengenalpasti jurang penyelidikan dan memupuk kolaborasi antara penyelidik dengan industri seterusnya mendorong inovasi dalam sesuatu bidang Doan, D. et.al (2024). Pembinaan konstruk membantu dalam menghasilkan dapatan kajian yang lebih bermakna dan boleh digunakan dalam situasi yang sebenar.

Pemilihan Item Dalam Konstruk

Pembinaan dan penentuan dalam memilih item yang bersesuaian dalam sesuatu konstruk adalah penting bagi meningkatkan ketepatan dan keberkesanan dalam pembelajaran klasifikasi. Algoritma pemilihan bagi sesuatu item adalah berdasarkan suasana kajian sekeliling yang sebenar. Hal ini dapat memastikan hanya ciri yang paling relevan dipilih melalui pengurangan jumlah data yang perlu diproses tanpa menjejaskan ketepatan dapatan yang diperoleh dalam sesuatu kajian Zhang, X. et.al (2024). Kualiti bagi pembinaan item pelbagai pilihan boleh mempengaruhi keputusan akhir bagi sesebuah kajian melalui pemilihan jenis item yang kurang bersesuaian yang menyebabkan wujudnya perbezaan dalam keputusan akhir berkenaan Kanzow, P. et.al (2022). Pemilihan item merupakan komponen penting yang mempengaruhi keputusan akhir dalam sesebuah kajian melalui ujian dan sistem cadangan yang dijalankan. Pemilihan item yang tepat dan kaedah pemilihan yang bersesuaian dapat meningkatkan ketepatan dalam pembagai konteks. Hal ini perlu diberi lebih perhatian terutama dalam pemilihan item bagi mencapai hasil dapatan yang diinginkan.

Keperluan Modul Dalam PDP

Penggunaan modul dalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan dan fleksibiliti dalam sesebuah proses pendidikan. Modul yang dibina boleh digunakan dalam pelbagai konteks dan cara termasuk pendidikan secara formal atau pun latihan secara teknikal. Pembinaan sesebuah modul membolehkan penyesuaian dan perkembangan yang lebih mudah dan tersusun dalam sistem pengajaran. Modul pengajaran memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui penyusunan bahan pembelajaran secara sistematik dan teratur. Hal ini memudahkan guru untuk menyampaikan bahan disamping kemudahan pelajar untuk belajar sesuatu topik yang berkenaan Primayana, K. (2022). Pembinaan sesebuah modul pengajaran yang dibangunkan dengan baik dapat meningkatkan kualiti proses pembelajaran dan hasil pembelajaran murid serta guru. Modul turut diperkukuh dengan kesahan dari segi kandungan, bahan, bahasa serta praktikal seterusnya efektif dalam meningkatkan hasil pengajaran dan pembelajaran Islamiati, E. et.al (2024). Penggunaan modul turut membolehkan murid belajar secara berdikari dan menilai kemampuan sendiri bagi mencapai kompetensi yang tertentu Famulaqih, S. et.al (2024). Modul pembelajaran turut membantu mengurangkan beban guru dalam memberi penyampaian kandungan dan membolehkan guru lebih fokus menjadi tutor bagi membantu murid untuk lebih memahami dalam proses pengajaran dan pembelajaran Rizal, M. et.al (2022).

Konstruk Item Modul Seni Lukisan

Pemilihan dan pembinaan konstruk bagi membangunkan modul adalah penting bagi mendapatkan ketepatan item yang bersesuaian dengan modul yang akan dibangunkan. Modul bertindak untuk menyampaikan bahan bantu mengajar secara berkesan terutamanya untuk kemahiran motor halus seperti Lukisan Asas Kusuma, R. (2022). Modul digital interaktif contohnya dibangunkan menggunakan model 4D dapat membantu murid untuk memahami bahan bagi mencipta karya seni guna 3 dimensi dengan sangat berkesan dalam proses pembelajaran Syabila, R. et.al (2024). Pemilihan item dalam konstruk memainkan peranan penting dalam pendidikan seni visual di mana dapat memupuk kemahiran berfikir secara kreatif disamping inovasi produk bergantung kepada kredibiliti guru dan literasi teknologi murid Mahsan, I. et.al (2023). Ketepatan item yang dipilih dalam konstruk binaan modul dapat meningkatkan kualiti pendidikan di samping menyokong persekitaran pembelajaran secara inklusif.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara berkumpulan terhadap 7 responden yang terdiri dari 5 orang guru bukan opsyen (GBO) dan 2 guru cemerlang Pendidikan Seni Visual. Responden yang dipilih adalah secara bersasar berdasarkan pengalaman dan kepakaran masing-masing. 7 responden yang dipilih dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 1.0: Latar belakang responden kajian

NO	GURU	PENGALAMAN TAHUN MENGAJAR	NAMA SEKOLAH	OPSYEN MENGAJAR
1	GBO A	2 tahun	Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 19	RBT
2	GBO B	7 tahun	Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning	Sains
3	GBO C	15 tahun	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Katholik	Sains
4	GBO D	2 tahun	Sekolah Menengah Kebangsaan Setia Alam	Kimia
5	GBO E	5 tahun	Sekolah Menengah Kebangsaan Shah Alam Alam	Biologi
6	Guru Cemerlang 1	23 tahun	Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun	Pendidikan Seni Visual
7	Guru Cemerlang 2	17 tahun	Sekolah Menengah Kebangsaan Setia Alam	Pendidikan Seni Visual


Pemilihan bagi responden adalah secara berfokus yang mensasarkan 5 orang guru bukan opsyen (GBO) dan melibatkan 2 orang guru pakar bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Responden GBO yang dipilih perlulah mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Seni Visual bersesuaian dengan pemilihan kepakaran Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual yang terlibat.

Dapatan Kajian

Melalui fasa analisis keperluan bagi kajian yang dijalankan, strategi pengajaran yang dirancang secara berstruktur memberikan impak dan bayangan bahawa kepentingannya dalam mengatur sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Strategi pengajaran bukan sahaja bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan secara alami tetapi juga untuk membangunkan kemahiran dan strategi pembelajaran secara berterusan. Hal ini dapat membantu murid terutamanya yang kurang berkeyakinan seterusnya dapat memperbaiki pencapaian akademik mereka, McKeachie, W et.al (1985). Penggunaan pelbagai strategi pengajaran seperti pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran berasaskan projek dapat menyokong objektif pembelajaran dan menjadikan proses pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan Anuradha, C. (2024).

Melalui kajian yang dijalankan bersama responden yang terdiri dari 4 orang guru bukan opsyen dan 2 orang guru cemerlang Pendidikan Seni Visual, dapatan menunjukkan terdapat 10 item

yang dipilih mengikut keperluan. Item yang dipilih mengikut keperluan konstruk strategi pengajaran bagi pembangunan modul Seni Lukisan boleh dilihat dalam rajah di bawah.



Rajah 1.0: Item Bagi Konstruk Strategi Pengajaran


Pembinaan setiap item bagi konstruk strategi pengajaran memberi penekanan kepada kepentingan dan kesesuaian untuk membantu guru bukan opsyen menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Pemilihan item yang tepat untuk strategi pengajaran adalah penting bagi membangunkan modul Seni Lukisan yang bersesuaian dengan keperluan guru bukan opsyen. Bagi konstruk strategi pengajaran, penerangan lebih mendalam mengenai setiap item yang dipilih adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 1.1: Penerangan Item Strategi Pengajaran

NO	ITEM	PENERANGAN
1.	Inkuiri penemuan	Pengajaran secara individu melalui penghasilan karya mengikut setiap media dan teknik
2.	Projek	Pengajaran berasaskan penghasilan karya mengikut setiap media dan teknik seni lukisan
3.	Simulasi	Penghasilan lukisan mengikut media dan teknik berdasarkan langkah-langkah dan contoh yang disediakan setiap satu
4.	Pembelajaran abad ke-21	Pengajaran berpusatkan murid secara kolaboratif yang lebih memberatkan kepada kemahiran secara praktikal dan amali berserta pembelajaran di mana-mana sahaja
5.	Pemusatan guru	Pengajaran melalui demonstrasi penghasilan karya mengikut domain yang disampaikan
6.	Pemusatan bahan (BBM)	Pengajaran melalui penggunaan bahan bantu mengajar BBM seperti modul berkaitan, buku teks dan buku rujukan yang bersesuaian

7.	Pemusatan bahan (Bahasa Seni Visual)	Pengajaran melalui penggunaan bahan bercetak yang berfokuskan kepada Bahasa seni visual mengikut glosari perkataan dan tema yang disediakan
8.	KBAT (aplikasi kemahiran)	Pengajaran melalui pengaplikasian kemahiran dalam berinovasi dan keupayaan menghasilkan karya mengikut kreativiti secara terbuka
9.	KBAT (elemen sokongan)	Pengajaran melalui elemen sokongan berasaskan sumber contohnya seperti bahan digital dan latihan- <i>capability buiding</i>
10.	Pembelajaran Masteri	Pengajaran melalui penguasaan tajuk yang dipelajari dengan membuat kerja pemulihan atau kerja penggayaan mengikut arahan yang diberi

Temu bual secara berkumpulan yang telah dijalankan bagi mendapatkan kesepakatan antara guru bukan opsyen GBO dan guru cemerlang Pendidikan Seni Visual mendapati terdapat penyusunan item yang dipilih mengikut kepentingan dan persetujuan bersama. Kesepakatan antara responden penting dalam memastikan kriteria strategi pengajaran bagi guru bukan opsyen dapat dipenuhi mengikut keperluan semasa. Berikut merupakan tahap kepentingan item bagi konstruks strategi pengajaran mengikut kesepakatan semua responden.



Rajah 1.1: Susunan Item Konstuk Strategi Pengajaran Mengikut Kepentingan

Berdasarkan pemilihan dari kesepakatan guru bukan opsyen dan guru pakar sebagai responden, pembinaan item bagi konstruk strategi pengajaran mengikut kepentingan dapat dilihat dengan jelas melalui pemilihan mengikut keutamaan. Item utama yang dipilih bagi konstruk strategi pengajaran adalah simulasi dimana responden sepakat bersetuju item dalam konstruk berkenaan perlu dimulakan dengan simulasi. Hal berkenaan diikuti dengan pemusatan bahan BBM dari guru dan seterusnya aplikasi kemahiran secara KBAT. Selain itu, elemen sokongan KBAT juga diutamakan diikuti dengan pembelajaran masteri. Item projek dipilih seterusnya diikuti dengan pemusatan bahan bagi Bahasa Seni Visual. Pembelajaran abad ke-21 dipilih antara 3 item terbawah diikuti dengan inkuiri penemuan dan akhir sekali merupakan item pemusatan guru. Tahap pemilihan item dipilih berdasarkan tahap kepentingannya dalam pembinaan modul Seni Lukisan untuk guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual.

Perbincangan, Implikasi Dan Rumusan

Strategi pengajaran yang terbaik dalam melatih guru untuk menjadi penyampai ilmu yang berkesan merupakan cabaran besar bagi sesebuah institusi pendidikan. Bagi melahirkan guru yang berkualiti dan sentiasa memiliki idea dalam membina strategi pengajaran yang efektif, latihan secara intensif dan berterusan diperlukan bermula dari peringkat pra-perkhidmatan dan seterusnya dalam perkhidmatan semasa guru, Ellis, E. (1990). Strategi pengajaran yang berkesan memberikan impak jangka panjang dalam pembangunan kemahiran murid secara terbuka pada masa akan datang, Darcy Miller (2020). Strategi pengajaran yang berkesan adalah penting bagi meningkatkan penglibatan di kalangan murid seterusnya dapat memperbaiki konsep sendiri guru. Penggunaan pelbagai strategi pengajaran juga membantu dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran supaya lebih menarik dan berkesan. Pemilihan strategi yang bersesuaian dengan keperluan murid merupakan kunci kepada kejayaan dalam pengajaran yang dijalankan oleh guru. Kesimpulannya, strategi pengajaran yang berkesan adalah penting dalam meningkatkan penglibatan murid dan pencapaian akademik. Pendekatan yang aktif, menarik, dan disesuaikan dengan keperluan individu murid dapat memberikan hasil yang lebih baik dalam pembelajaran. Namun yang berkenaan, cabaran dalam melatih guru untuk mengajar secara berstrategi memerlukan perhatian dan usaha secara berterusan.

Penghargaan

1. Jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas segala sokongan dan bantuan.
2. Penghargaan turut ditujukan terutama kepada Hadiah Latihan Persekutuan HLP Kementerian Pendidikan Malaysia di atas tajaan untuk kajian ini.

Rujukan

- Anuradha, C. (2024). Novel Strategies In Teaching English As A Second Language. *Journal Of English Language And Literature*. <https://doi.org/10.54513/Joell.2023.10409>.
- Borsboom, D., Van Der Maas, H., Dalege, J., Kievit, R., & Haig, B. (2021). Theory Construction Methodology: A Practical Framework for Building Theories in Psychology. *Perspectives on Psychological Science*, 16, 756 - 766. <https://doi.org/10.1177/1745691620969647>.
- Darcy Miller (2020). Teaching strategies.. *The Lamp*, 379, 21 <https://doi.org/10.4135/9781412963848.n267>.
- Doan, D., Mai, T., Ghaffarianhoseini, A., Ghaffarianhoseini, A., & Naismith, N. (2024). A review of the current state and future trends in modern methods of construction research. *Construction Innovation*. <https://doi.org/10.1108/ci-02-2023-0029>.
- Ellis, E. (1990). What's So Strategic About Teaching Teachers To Teach Strategies?. *Teacher Education and Special Education*, 13, 59 - 62. <https://doi.org/10.1177/088840649001300201>.
- Famulaqih, S., & Lukman, A. (2024). Pengembangan Bahan Ajar Modul Pembelajaran. *Karakter : Jurnal Riset Ilmu Pendidikan Islam*. <https://doi.org/10.61132/karakter.v1i2.156>.
- Geampana, A., & Perrotta, M. (2024). Using interview excerpts to facilitate focus group discussion. *Qualitative Research*. <https://doi.org/10.1177/14687941241234283>.
- Islamiati, E., Subagia, I., & Suma, K. (2024). Development of Teaching Modules in the Implementation of the Independent Curriculum to Improve the Quality of the Learning Process and Student Learning Outcomes. *Jurnal Penelitian Pendidikan IPA*. <https://doi.org/10.29303/jppipa.v10i11.7521>.
- Kanzow, P., Schmidt, D., Herrmann, M., Wassmann, T., Wiegand, A., & Raupach, T. (2022). Use of Multiple-Select Multiple-Choice Items in a Dental Undergraduate Curriculum: Kusuma, R. (2022). Module as an Alternative In Material Delivery in an Online Drawing Course. *Journal of Visual Communication Design*. <https://doi.org/10.37715/vcd.v6i2.2453>.
- Mahsan, I., Yeh, L., Arif, H., Nor, N., & Ladin, C. (2023). ARTech Review: E-Learning of Visual Arts Education. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*. <https://doi.org/10.37934/araset.33.2.4054>.
- Mannevaara, P., Kinnunen, U., Egbert, N., Hübner, U., Vieira-Marques, P., Sousa, P., & Saranto, K. (2024). Discovering the importance of health informatics education competencies in healthcare practice. A focus group interview. *International journal of medical informatics*, 187, 105463 . <https://doi.org/10.1016/j.ijmedinf.2024.105463>.
- McKeachie, W., Pintrich, P., & Lin, Y. (1985). Teaching Learning Strategies. *Educational Psychologist*, 20, 153-160. https://doi.org/10.1207/S15326985EP2003_5.
- Ortega, Y. (2023). Charlas y Comidas: Humanising focus groups and interviews. *Qualitative Research*. <https://doi.org/10.1177/14687941231176947>.
- Primayana, K. (2022). The Effectiveness Of Using Teaching Modules In The Independent Curriculum In Elementary Schools. *Edukasi: Jurnal Pendidikan Dasar*. <https://doi.org/10.55115/edukasi.v3i2.2481>.
- Retrospective Study Involving the Application of Different Scoring Methods. *JMIR Medical Education*, 9. <https://doi.org/10.2196/43792>.
- Rizal, M., Muslihin, M., Wahyudi, W., Rahmi, R., Novianti, N., Reza, M., Rahima, R., & Dhiaurrahmi, D. (2022). PKM Pelatihan dan Pendampingan Guru SD IT Assalam Jeunib

- Bireuen dalam Pembuatan Modul Ajar Kurikulum Merdeka. *Communautaire: Journal of Community Service*. <https://doi.org/10.61987/communautaire.v1i1.12>.
- Roald, G., Schruijer, S., & Neergård, G. (2024). The Researcher's Facilitating Role in Stimulating a Constructive Group Climate in Online Focus-Group Interviews. *Qualitative Inquiry*. <https://doi.org/10.1177/10778004241260656>.
- Singh, K., Bharatha, A., Sa, B., Adams, O., & Majumder, M. (2019). Teaching anatomy using an active and engaging learning strategy. *BMC Medical Education*, 19. <https://doi.org/10.1186/s12909-019-1590-2>.
- Sjøberg, D., & Bergersen, G. (2021). Construct Validity in Software Engineering. *IEEE Transactions on Software Engineering*, 49, 1374-1396. <https://doi.org/10.1109/TSE.2022.3176725>.
- Syabila, R., & Prasetyo, A. (2024). Development of Interactive Digital Modules to Increase Knowledge of 3-Dimensional Fine Art Creation Material. *IJESS International Journal of Education and Social Science*. <https://doi.org/10.56371/ijess.v5i2.341>.
- Wood, D., Wood, H., & Middleton, D. (1978). An Experimental Evaluation of Four Face-to-Face Teaching Strategies. *International Journal of Behavioral Development*, 1, 131 – 147. <https://doi.org/10.1177/016502547800100203>.
- Zhang, X., He, Z., Li, J., Mei, C., & Yang, Y. (2024). Bi-Selection of Instances and Features Based on Neighborhood Importance Degree. *IEEE Transactions on Big Data*, 10, 415-428. <https://doi.org/10.1109/TBDATA.2023.3342643>.